



## **IVAN HO TUCK CHOY (AMN)**

### **SUMBANGANNYA HINGGA KE PERINGKAT ANTARABANGSA**

*oleh Amy Suzani Mohd. Ainuddin*

IVAN Ho Tuck Choy dilahirkan pada 10 Oktober 1943. Beliau mendapat pendidikan awal di sekolah St. Nicholas sehingga tahun 1959. Setelah menamatkan pendidikan rendahnya, Ivan melanjutkan lagi pelajaran ke Pusat Latihan Gurney yang dikendalikan oleh *Malaysian Association For The Blind* (MAB). Di pusat latihan tersebut beliau telah mendapat latihan dalam bidang telefonis.

Setelah menamatkan latihan, Ivan terus mendapat tawaran kerja di Kumpulan Guthrie. Selama 30 tahun Ivan menyumbangkan khidmat baktinya kepada kumpulan Guthrie sebelum beliau memilih untuk meninggalkan pekerjaan itu dalam tahun 1995. Khidmatnya dengan Kumpulan Guthrie telah mendapat pengiktirafan apabila dia telah mendapat anugerah sebagai pekerja terbaik dalam tahun 1990 dan juga menerima anugerah perkhidmatan paling lama di syarikat tersebut.

Dalam usianya 18 tahun Ivan tertarik pada satu falsafah untuk mewujudkan satu pergerakan bantu diri bagi golongan cacat penglihatan. Idea ini tercetus lama sebelum ia diterima oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu atau agensi-agensi lain yang ditubuhkan untuk membantu golongan kurang upaya. Dalam tahun 1964 Ivan merupakan salah seorang daripada tujuh orang yang terlibat dalam mengasas dan menubuhkan Pertubuhan Orang Cacat Penglihatan Malaysia (*Society of the Blind in Malaysia*) atau singkatannya SBM.

Bagaimana pun dalam pemilihan jawatankuasa kali pertama pertubuhan tersebut, Ivan tidak layak menyandang apa-apa jawatan ekoran usianya yang masih muda ketika itu. Hanya tiga tahun kemudian barulah beliau mendapat pencalonan dan telah terpilih sebagai naib presiden pertubuhan tersebut. Setahun kemudian Ivan dipilih pula menjadi Presiden SBM.

Selama dua belas tahun Ivan memegang jawatan presiden tersebut. Beliau telah menjalankan tanggungjawabnya dengan penuh dedikasi dan amanah. Namun setelah 12

tahun Ivan memilih untuk berundur daripada jawatan tersebut secara sukarela. Ini bagi membolehkan beliau menumpukan perhatian terhadap satu projek penting yang sedang dijalankan oleh SBM ketika itu.

Sepanjang bersama SBM Ivan telah mendapat kepercayaan untuk menyumbangkan khidmatnya dalam pelbagai bidang tugas. Antaranya termasuklah sebagai Pengerusi Kewangan dari tahun 1980 hingga tahun 1995, sebagai Setiausaha Agung dari tahun 1990 hingga tahun 1994 dan sebagai Pegawai Hal Ehwal Antarabangsa dari tahun 1969 hingga tahun 1984. Apabila Ivan berpindah untuk bekerja sepenuh masa di Majlis Kebangsaan Bagi Orang Buta Malaysia (*National Council For The Blind*) atau ringkasnya NCBM dalam tahun 1995, beliau telah meninggalkan SBM sebagai satu pertubuhan orang cacat penglihatan yang kuat dengan keahliannya hampir 2000 orang. Bukan setakat itu sahaja malah SBM juga telah mempunyai kedudukan kewangan yang cukup stabil. Semuanya adalah hasil kerja keras Ivan yang tidak penuh semangat dan tidak pernah mengenal erti putus asa.

Dalam tahun 1985, Ivan merupakan salah seorang penting yang mengetuai usaha bagi menubuhkan Majlis Kebnagsaan Bagi Orang Buta Malaysia (NCBM). NCBM cuba menekankan betapa pentingnya orang-orang cacat penglihatan dan orang-orang normal seharusnya bekerja bersama-sama sebagai pasangan yang sama kedudukannya bagi kepentingan golongan cacat penglihatan. Dalam erti kata lain hubungan antara golongan cacat penglihatan dan golongan normal tidak seharusnya dilihat sebagai hubungan antara 'penjaga dengan yang dijaga'.

Apabila NCBM didaftarkan secara rasminya dalam tahun 1986, Ivan merupakan Naib Presiden pertama bagi NCBM. Beliau kemudian memegang jawatan sebagai Presiden NCBM selepas kematian Presiden pertamanya iaitu Allahyarhan Tun Hussin Onn dalam tahun 1990. Dalam tahun 1995, Ivan telah dirayu supaya meninggalkan Kumpulan Guthrie di mana dia bekerja untuk bekerja sepenuh masa di NCBM dan memberikan perhatian penuh kepada usaha membangunkan majlis kebangsaan tersebut.

Ivan menerima tawaran tersebut dengan hati terbuka, juga dengan penuh semangat dan rasa tanggungjawab untuk melihat apa yang dicita-citakan oleh NCBM menjadi kenyataan. Perkata pertama yang dilakukan Ivan setelah memegang jawatan pengarah Eksekutif di NCBM ialah dalam tahun 1996, beliau telah mengambil langkah berani dengan membuat pinjaman sebanyak RM800,000 daripada HSBC. Wang tersebut digunakan untuk membeli sebuah bangunan kedai empat tingkat yang dijadikan sebagai pejabat tetap bagi NCBM. Kecekapan Ivan yang mengetuai jawatankuasa kewangan NCBM ketika itu telah membawa kepada pengurusan kewangan yang teratur dan membolehkan pinjaman tersebut dibayar kembali sepenuhnya hanya dalam tempoh 18 bulan.

Dalam tahun 1998, dengan sokongan dan galakan yang kuat daripada Encik Tetsuji Tanaka yang merupakan pengerusi kepada Perpustakaan *Braille* Jepun (*Japan Braille Library*) dan juga orang yang selama beberapa tahun bertanggungjawab menaja Bengkel Produksi Antarabangsa Mengkomputerkan *Braille*, Ivan telah memainkan

peranan penting dalam mengusahakan penubuhan *Malaysia Braille Press* (MBP). Lanjutan daripada itu semasa majlis perasmian pembukaan bangunan baru Perpustakaan Braille Jepun pada 12hb November 1998, Ivan telah diberikan penghormatan yang jarang-jarang diterima oleh orang lain untuk berdiri di sebelah Maharani Negara Matahari terbit itu bagi mengucapkan terima kasih kepada masyarakat Jepun di atas pertolongan yang mereka berikan.

Hari ini *Malaysia Braille Press* mendapat tugas untuk mencetak buku-buku teks dalam tulisan Braille bagi pihak Kementerian Pendidikan. Ia juga turut mencetak bahan-bahan Braille yang lain untuk keperluan individu. Kejayaan penubuhan MBP ini sesungguhnya telah membawa NCBM melangkah setapak lagi ke depan dalam usaha membantu golongan cacat penglihatan di negara ini.

Kini NCBM terus mengorak langkah dalam usaha memperluaskan khidmat baktinya kepada golongan cacat penglihatan. NCBM kini menjalinkan kerjasama erat dengan beberapa ahli organisasi yang lain bagi menaja penempatan unit kerja, latihan sebagai tukang urut bagi orang-orang buta serta mencari jalan bagi membantu golongan cacat penglihatan yang mempunyai cita-cita untuk menjadi professional dalam bidang yang mereka ceburi. Bagi mencapai tujuan ini, NCBM telah menubuhkan satu Pusat Hal Ehwal Professional bagi Orang-orang Buta (*Blind Professional Affairs Centre*).

Lebih daripada itu, NCBM juga turut terlibat dalam bidang pendidikan. Walaupun soal pendidikan merupakan tanggungjawab kerajaan, namun NCBM telah mendapat kelulusan penuh daripada Jabatan Pendidikan Khas untuk melaksanakan program

adaptasi ke sekolah-sekolah. Di bawah projek ini NCBM bergabung tenaga dengan lima anggota organisasinya untuk bekerjasama dengan Jabatan Pendidikan Khas dan sekolah-sekolah yang terlibat bagi membantu pelajar cacat penglihatan di seluruh negara.

Penglibatan Ivan dalam arena antarabangsa sebenarnya bermula dalam tahun 1969 apabila beliau menghadiri Konvensyen quinquennial yang pertama anjuran Persekutuan Antarabangsa bagi Orang-orang Buta (International Federation of the Blind) yang diadakan di Colombo, Sri Lanka. Dalam tahun 1974 pula beliau telah terpilih menganggotai jawatankuasa eksekutif selama dua penggal.

Dalam tahun 1980 Ivan telah mengikuti satu lawatan sambil belajar selama dua minggu di Sweden dan Norway. Lawatan yang mendapat tajaan sepenuhnya negara berkenaan sesungguhnya banyak memberikan beliau pengetahuan baru serta amat sukar dilupakan. Sekembalinya daripada lawatan tersebut, Ivan telah membuat keputusan untuk memberikan tumpuan penuh kepada usaha membangunkan golongan kurang upaya di peringkat kebangsaan.

Selama 16 tahun kemudian Ivan menyepikan diri buat seketika daripada terlibat dalam aktiviti-aktiviti di peringkat antarabangsa. Hanya dalam tahun 1996 barulah beliau kembali aktif setelah dengan jayanya membantu mengendalikan satu perhimpunan agung anjuran Kesatuan Orang-orang Buta Asia (*Asian Blind Union*) yang telah diadakan di Kuala Lumpur. Beliau lantas dipilih sebagai Setiausaha Agung kesatuan berkenaan. Beliau sekali lagi telah dipilih untuk memegang jawatan tersebut di

Melbourne dalam tahun 2000 apabila Kesatuan Orang-orang Buta Dunia (*World Blind Union*) atau ringkas WBU telah mengstrukturkan semula kawasan-kawasannya di Asia dan menempatkan Malaysia dalam kawasan WBU-Asia Pasifik.

Melalui kerja keras serta usaha beliau meyakinkan kalangan antarabangsa Ivan telah membawa NCBM untuk mula memainkan peranan untuk memberi sumbangan dalam percubaannya menghulurkan bantuan kepada jiran-jirannya. Untuk tujuan tersebut, satu tabung telah diwujudkan oleh NCBM.

Selepas pulang dari Negara-negara Nordic, Ivan semakin dipenuhi dengan idea-idea baru serta semangat untuk mencapai sesuatu yang lebih baik melalui usaha secara berkumpulan. Beliau mengambil langkah bijak dan mula menjalinkan kerjasama dengan pemimpin-pemimpin lain yang terlibat dengan golongan cacat penglihatan bagi mengukuhkan kedudukan NCBM. Antara mereka yang terlibat dalam kerjasama tersebut termasuklah Mr. John Kim, dari SBM; Dr. Richard Dingley, dari Persatuan Orang-orang Buta Sabah (*Sabah Society for the Blind*); Mr. John Wong, dari Persatuan Orang-orang Buta Sarawak (*Sarawak Society for the Blind*); Datuk Ann Abdul Majeed, dari Malaysian Association for the Blind; Dr. Kjell Knutsen, dari Rumah St. Nicholas dan mendiang Sir John Wilson dari *Royal Commonwealth Society for the Blind*.

Dalam masa yang hampir sama, Ivan bersama Mr. John Kim sebagai mewakili SBM, telah mengadakan satu perbincangan dengan Mr. HRM Storey dari Pertubuhan Orang Cacat Anggota and Puan Katherine Chong Yoke Mei dari *Society of the Chinese*

*Disabled Persons of Malaysia* bagi membentuk Persekutuan Orang Kurang Upaya Malaysia (*Malaysian Confederation of the Disabled*) atau singkatannya MCD.

Mr. HRM Storey telah meninggal dunia pada 14hb April 2002. Mendiang merupakan perancang utama dan pemimpin yang sangat berdedikasi kepada MCD. Mendiang banyak menyumbangkan idea serta wang ringgit bagi memastikan MCD dapat terus bergerak. Rumah mendiang dijadikan tempat untuk anggota MCD bermesyuarat. Mendiang juga telah membuat pinjaman tanpa faedah sebanyak RM500,000 kepada MCD bagi membolehkan MCD membayar kembali hartanah kepunyaan Puan Katherine Chong yang digunakan untuk membeli sebuah lot kedai bagi dijadikan ibu pejabat MCD. Ini kerana sebelum Puan Katherine Chong meninggal dunia pada 4hb Oktober 199, beliau telah membuat pinjaman tanpa faedah sebanyak RM380,000 juga dengan tujuan untuk membeli bangunan tersebut.

Dalam mesyuarat pembukaan MCD pada 14hb Januari 1984, Ivan telah dipilih sebagai Presiden sementara. Sementara jawatan Bendahari disandang oleh Mr. HRM Storey dan Naib Presiden pula oleh Puan Katherine Chong. Apabila MCD didaftarkan dalam tahun 1986, Ivan terus kekal sebagai presidennya untuk tempoh dua tahun lagi. Bagaimanapun beliau lebih suka untuk memegang jawatan lain yang kurang penting bagi memberi laluan kepada orang lain meningkat ke kedudukan yang lebih atas. Namun beliau tidak berupaya melepaskan jawatan penting dalam MCD. Ivan terpilih sebagai Naib Presiden bagi menggantikan Puan Katherine Chong. Beliau kekal memegang jawatan tersebut sehingga Puan Katherine Chong meninggal dunia. Selepas kematian



Katherine Chong, Ivan sekali lagi terpilih sebagai Presiden MCD. Hari ini Ivan memegang jawatan sebagai Naib Presiden dengan Encik Sazali Shaari dari Persekutuan Orang-Orang Pekak Kebangsaan (*National Federation of The Deaf*) sebagai Presidennya.

Berikutan kematian dua orang pengasas MCD yang paling kuat dan paling dipercayai, kepimpinan MCD yang kini dianggotai oleh lima organisasi termasuk tiga persatuan pengasas serta Persekutuan Orang Pekak Kebangsaan dan *Malaysian Spinal Injured Association*, semakin bersungguh-sungguh dan penuh keyakinan menjalinkan kerjasama bagi kepentingan bersama orang-orang kurang upaya di Malaysia.

MCD percaya bahawa golongan kurang upaya juga merupakan sebahagian daripada warga negara yang berhak untuk mengecapi nikmat kemajuan negara. Ini termasuklah peluang untuk mendapatkan pendidikan, pekerjaan dan integrasi sosial. Ini bermakna bekerja dengan pihak berkuasa yang berkaitan bagi membolehkan orang kurang upaya hidup dalam persekitaran yang bebas dan selamat, mendapat kemudahan teknologi maklumat serta jaminan undang-undang terhadap hak-hak mereka.

Sebagai menghargai sumbangan Ivan terhadap kerja-kerja sukarela yang dilibatinya, beliau telah menerima anugerah Ahli Mangku Negara (AMN) dalam tahun 1983. NCBM turut menghargai sumbangan yang telah diberikan oleh Ivan kepada golongan cacat penglihatan. Justeru itu dalam tahun 1997 beliau telah diberikan anugerah NCBM Tun Hussien Onn kerana khidmat cemerlangnya kepada mereka yang mengalami kecacatan penglihatan.

Bukan sekadar itu, malah Ivan juga turut mendapat pengiktirafan antarabangsa di atas sumbangannya yang berterusan dan tidak mengenal jemu itu. Untuk itu pada Persidangan Kemuncak Orang-orang Buta Asia Pasifik yang diadakan di Osaka, Jepun dari 19 hingga 20hb Oktober 2002, Ivan telah dianugerahkan dengan satu anugerah berprestij iaitu anugerah Takeo Iwahashi oleh *Nippon Light House for the Blind*.

Demikianlah pencapaian Ivan yang tidak terbatas hanya di peringkat kebangsaan. Kemampuan beliau memberikan sumbangannya hingga ke peringkat antarabangsa merupakan sesuatu yang amat membanggakan kepada golongan cacat penglihatan. Malah bakat kepimpinan yang dimiliki beliau juga merupakan sesuatu yang wajar dijadikan contoh oleh mereka yang lain. Namun Ivan sesungguhnya belum merasa puas dengan apa yang telah dicapainya hingga ke hari ini.

Bagi Ivan masih banyak lagi yang perlu dilakukan. Kerana itu dia perlu bekerja lebih keras secara bersepadu dan dengan lebih cekap untuk mendapatkan manfaat yang berterusan serta boleh dikecapi oleh golongan cacat penglihatan dan golongan kurang upaya yang lain baik di Malaysia atau pun di negara-negara lain di dunia. Ternyata dunianya yang gelap gelita tidak menjadi halangan kepada perjalanannya yang penuh visi bagi membantu golongan yang senasib.